

02/06/2001

Najib nafi senjata perompak milik ATM

Noorwati Salleh

KUANTAN, Jumaat - Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, menolak kemungkinan senjata api yang ditemui di Puchong, Selasa lalu, adalah milik Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Beliau berkata, selepas kejadian rompakan senjata di Grik tahun lalu membabitkan kumpulan Al-Ma'unah, tiada sebarang kejadian kehilangan atau kecurian senjata milik tentera dilaporkan berlaku.

Najib berkata, ATM sudah mengambil langkah keselamatan tertentu termasuk memperketatkan prosedur pengawalan senjata bagi mengelakkan kejadian itu daripada berulang.

Bagaimanapun, beliau berkata, pihak tentera sedia membantu dan memberi kerjasama kepada polis dalam menjalankan siasatan mengenai senjata api itu.

"Polis akan tentukan.... kebanyakan senjata boleh diseludup dari negara luar," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Perkampungan Seberang Balok II iaitu rumah keluarga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), di sini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya mengenai kemungkinan senjata yang ditemui itu adalah milik tentera.

Selasa lalu, polis yang memeriksa sebuah rumah dan kawasan belukar di Puchong, menjumpai selaras raifal automatik M-16, sepucuk revolver .38, beratus-ratus peluru M-16, bom tangan buatan sendiri dan pelbagai jenis bahan kimia untuk membuat bom dan peralatan tentera.

Mengulas mengenai kedudukan keselamatan di Sabah, Najib menasihatkan pelancong yang merancang percutian, memancing atau menyelam di pulau peranginan di negeri itu, supaya memaklumkan kepada anggota tentera bertugas bagi demi memastikan keselamatan mereka terjamin.

Setakat ini, Kementerian Pertahanan sudah menghantar tiga batalion tentera untuk berkawal di 29 lokasi, termasuk 21 pulau peranginan secara bergilir-gilir bagi menghadapi sebarang kemungkinan serangan pengganas atau kumpulan bersenjata.

Najib berkata di sesetengah lokasi, polis turut menjalankan kawalan dan setakat ini keadaan didapati terkawal.

"Bagaimanapun, kita tidak bercadang untuk menambah anggota tentera.

"Setakat ini, kita ada sembilan bot untuk membuat rondaan bagi memantapkan keselamatan perairan negara, khususnya di pantai timur negeri itu.

"Selain itu, empat bot canggih atau dikenali Combat Boat CB90 turut ditempatkan di situ untuk meningkatkan rondaan supaya rakyat dan pelancong asing lebih yakin untuk berkunjung ke Sabah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan rumah keluarga Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) Perkampungan Seberang Balok 2 dekat sini, hari ini.

Dalam kejadian terbaru Selasa lalu, sekumpulan lelaki bersenjata dipercayai pejuang pemisah Islam Abu Sayyaf, menculik 20 orang, termasuk tiga warga Amerika dalam satu serangan di sebuah pulau peranginan di selatan Filipina.

Berucap di majlis itu, Najib berkata Kementerian Pertahanan akan membina 7,000 unit rumah di 43 lokasi di seluruh negara dalam Rancangan Malaysia Kelapan (RM-8), tetapi pelaksanaannya bergantung kepada sumber kewangan kerajaan.

Bagaimanapun, beliau berkata, peruntukan RM1.5 bilion yang diumumkan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam Belanjawan 2001 untuk pembinaan 6,963 unit kuarters ATM di tujuh lokasi di sekitar Lembah Klang, sudah diluluskan.

"Tujuh lokasi itu ialah di Kem Kementah, Wardieburn, Pasifik, Sungai Besi, TUDM Subang, Cochrane dan U-Thant.

"Daripada jumlah itu, sebanyak 1,846 unit rumah akan dibina di Kem Kementah, Wardieburn (948), Pasifik (834), Sungai Besi (1,479), TUDM Subang (660), Cochrane (560) dan U-Thant (636)," katanya.

(END)